

08/10/2002

Polis yakin gadis dakwa dirogol rakyat Malaysia

Amirullah Andi Nur

KOTA KINABALU, Isnin - Polis Diraja Malaysia (PDRM) yakin gadis berusia 13 tahun yang mendakwa dirogol di pusat tahanan sementara di sini, sebelum dihantar pulang ke Zamboanga, Filipina, baru-baru ini adalah rakyat Malaysia.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata ini berdasarkan maklumat 120 saksi yang ditemubual oleh pasukan penyiasat khas Bukit Aman sebelum ini.

"Semua maklumat yang diperolehi daripada 120 saksi ini mengaitkan gadis berkenaan sebagai rakyat Malaysia," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di Kuching, dekat sini, hari ini.

Berita Harian ini sebelum ini yang memetik sumber Kementerian Luar Filipina, melaporkan gadis itu mendakwa bapanya warga negara Malaysia, manakala ibunya pendatang tanpa izin Filipina.

Kerajaan sebelum ini menubuhkan sebuah pasukan penyiasat khas yang diketuai Penolong Pengarah Siasatan Jenayah Khas, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Asisten Komisioner Takbir Ahmad Nazir bagi mengendalikan kes berkenaan.

Ia susulan tindakan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu siasatan terperinci dijalankan berhubung dakwaan gadis itu.

Norian berkata, PDRM akan menjalankan ujian DNA terhadap ibu bapa gadis itu yang dikenal pasti masih berada di negeri ini, bagi mengesahkan sama ada ia anak mereka atau sebaliknya.

Katanya, kerajaan juga sedang dalam proses terakhir untuk membawa pulang gadis itu dari Manila dan usaha terbabit akan dilaksanakan dengan kerjasama Filipina.

"Siasatan kes ini akan menjadi lebih mudah sekiranya gadis itu dibawa balik ke sini, malah kita jangka ia dapat ditamatkan dengan cepat," katanya.

Norian berkata, hasil siasatan PDRM sebelum ini mendapati gadis itu ditahan ketika sedang merayau di bandar ini tanpa memiliki sebarang dokumen perjalanan dan kediaman tetap.

Katanya, gadis itu juga tidak pernah bersekolah dan ketika ditahan mengaku tidak dapat memberi sebarang keterangan berhubung ibu bapa dan kerakyatannya sebenar.

"Oleh itu, dia dikategorikan sebagai pendatang tanpa izin," katanya.

Norian turut mengesahkan siasatan berhubung dakwaan gadis itu dirogol ketika di pusat tahanan sementara di sini, akan tetap diteruskan meskipun dia disahkan rakyat negara ini.

Katanya, gadis itu akan diberi peluang membuat kawad cam terhadap anggota polis yang disyaki terbabit melakukan perbuatan itu, sekembalinya ke tanah air.

"Kita akan jalankan siasatan kes ini dengan terperinci," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Norian mengesahkan Ops Nyah II Bersepadu akan diteruskan pada masa depan selepas didapati berjaya mencapai matlamat sebelum ini.